

# Mahathir ingatkan tugas bersama pegawai kerajaan dan tokoh politik

KUALA LUMPUR, Jumaat — Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan penglibatan ahli-ahli politik dalam melaksanakan dasar Kerajaan tidak boleh dianggap sebagai campurtangan peranan dan tanggungjawab pegawai-pegawai Kerajaan.

Timbalan Perdana Menteri berkata, pegawai-pegawai Kerajaan hendaklah menyedari bahawa mereka ujud dalam masyarakat dan setiap langkah yang diambil oleh mereka melibatkan rakyat dan memberi kesan politik.

Datuk Seri Dr. Mahathir berkata demikian dalam majlis dialog dengan Persatuan Pentadbir dan Diplomat (PTD) baru-baru ini. Dialog tersebut menyentuh pengecualian pegawai-pegawai Kerajaan dalam skim gaji hingga perliantikan duta-duta.

Majalah Persatuan itu, *Berita Pentadbir* memetik Timbalan Perdana Menteri sebagai berkata bahawa pegawai-pegawai Kerajaan dan ahli politik hendaklah berkerjasama menjalankan kerja masing-masing dan bertanggungjawab terhadap kepentingan rakyat.

Bagaimanapun beliau bersetuju bahawa pegawai-pegawai PTD tidak harus terpengaruh kepada ahli-ahli politik dalam menjalankan tugas mereka.

Datuk Seri Dr. Mahathir mengingatkan ketua-ketua jabatan Kerajaan bahawa mereka adalah bertanggungjawab kepada menteri masing-masing.

Ketua-ketua jabatan Kerajaan tidak seharusnya menyisih dirinya dari menteri politik kerana dari menteri sahaja ia akan memahami inspirasi rakyat.

Mengenai tanggagaji, Timbalan Perdana Menteri

bersetuju skim gaji yang ada sekarang tidak begitu tepat tetapi pegawai-pegawai Kerajaan pada umumnya telah menikmati tanggagaji yang baik dibandingkan dengan tanggagaji sebelumnya.

Mengenai perliantikan duta, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, setengah-tengah duta dilantik terdiri daripada ahli-ahli politik dan pegawai Kerajaan yang bersara.

Perliantikan tersebut, katanya, dibuat setelah penelitian terhadap ahli politik atau pegawai Kerajaan yang bersara tentang kelayakan dan pengalaman mereka.